

12/12/1997

Kaji negara OIC jadi wakil tetap

Roslan Hamid in Teheran

TEHERAN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan membolehkan sebuah negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menjadi anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) wajar dikaji.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar petang ini selepas berakhir Sidang Puncak Kelapan OIC di sini selama tiga hari bermula kelmarin.

"Tetapi siapa yang akan menjadi wakil tetap itu perlu diselesaikan oleh pertubuhan berkaitan," katanya.

Selasa lalu, ketika mengakhiri ucapan perasmian sidang itu, Pemimpin Tertinggi Iran, Ayatollah Ali Khamenei, mengesyorkan OIC diberikan kerusi tetap yang keenam dalam Majlis Keselamatan.

Perdana Menteri berkata, pandangan itu baik untuk difikirkan bersama dan jika pihak terbabit dapat mencari penyelesaian, ia dapat dilaksanakan.

Pada sidang akhbar itu, Perdana Menteri turut ditanya pandangannya dalam pelbagai isu, daripada hubungan Iran-Malaysia, kejatuhan nilai ringgit akibat tindakan spekulator mata wang, projek multimedia Malaysia dan Asean.

Mengenai pasaran bersama negara Islam, Dr Mahathir berkata ia gagasan yang baik tetapi ada halangan untuk menjayakannya.

Katanya, masa yang diperlukan untuk menubuhkan pasaran itu mungkin lama kerana negara OIC mempunyai dasar yang berbeza dari segi perdagangan.

Katanya, dengan kumpulan G-8 (Kumpulan Bagi Meningkatkan Hubungan Dagangan Antara Negara Islam), OIC boleh meningkatkan peranan bagi mengorak langkah mengusahakan pasaran bersama itu.

Mengenai hubungan Iran-Malaysia, terutama tindakan Amerika Syarikat menyiasat firma Malaysia daripada berdagang dengan syarikat minyak Iran, Dr Mahathir berkata Amerika tidak berhak memaksakan undang-undangnya ke atas negara lain.

Dr Mahathir juga berkata, umat dan negara Islam perlu mengurangkan perbezaan sesama mereka sebaiknya mempamerkan perpaduan sesama Islam tidak kira yang berfahaman Syiah atau Sunnah.

Sebelum itu, pada sesi dialog dengan ketua pegawai eksekutif terkemuka, pengurus kanan dan ahli akademik Iran di Institut Pengurusan Industri di sini, semalam, Dr Mahathir berkata, pelaburan asing bercorak produktif untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan adalah baik kerana ia membantu mewujudkan kemahiran, pekerjaan dan kemakmuran sesebuah negara.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, ada satu jenis pelaburan asing yang tidak baik iaitu pelaburan jangka pendek dan wang panas dalam pasaran saham.

"Pelabur sedemikian hanya mahu meningkatkan nilai saham dan menjualnya apabila harga naik tinggi. Mereka kemudian mengambil keuntungan modal itu dan berpindah ke negara lain," katanya.

(END)